

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.11.2017

Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasional cadangan perbelanjaan sebanyak USD10 bilion untuk membeli pesawat Boeing seperti yang dilaporkan ketika lawatan Perdana Menteri ke White House baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan rangka kerja di bawah Pelan Pemulihan MAS (PPM) yang sedang dilaksanakan oleh Khazanah Nasional Berhad mulai 29 Ogos 2014, Malaysia Airlines Bhd (MAB) akan mengembangkan operasinya ke laluan-laluan baharu

di Eropah dan beberapa destinasi di Amerika Syarikat. Oleh yang demikian, MAB memerlukan pesawat yang lebih luas (*wide-body*) seperti Boeing 737 MAX 10 yang akan menguntungkan syarikat penerbangan tersebut dengan kos tempat duduk paling murah dalam kelasnya. Pesawat Boeing 787-9 Dreamliner pula bersifat *flexible* di mana ia berupaya melakukan penerbangan jarak jauh bagi tempoh di antara 5 hingga 7 jam atau 7 hingga 13 jam. Pesawat-pesawat ini mempunyai kecanggihan dari segi teknologi dengan ciri-ciri terkini dan amat efisien dalam penggunaan minyak dan bahan api yang dapat menjimatkan kos dan meminimalkan kos operasi syarikat.

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan pesawat jenis baharu ini akan membolehkan MAB bersaing dengan lebih kompetitif dengan syarikat-syarikat penerbangan yang lain terutamanya dari segi kos penerbangan. Cadangan pembelian 8 buah pesawat Boeing 787-9 Dreamliner dan 8 buah pesawat Boeing 737 MAX dibuat berdasarkan keperluan operasi syarikat. Perjanjian yang ditandatangani di Amerika Syarikat dengan pihak Boeing ini juga adalah merupakan *non-binding Memorandum of Understanding* (MOU) dan memerlukan rundingan lanjut sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan.